

15 OCT 1997

Mahathir-Nik Aziz

KELANTAN SOKONG DR MAHATHIR BAGI KEPENTINGAN NEGARA

KOTA BAHARU, 15 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata langkah kerajaan negeri negeri mempertahankan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa negara menghadapi masalah ekonomi sekarang adalah wajar dan dituntut oleh Islam.

Katanya bagi kepentingan negara dan rakyat, sewajarnya semua pihak bersatu walaupun selama ini kepimpinan Pas sering mengkritik kepimpinan Barisan Nasional.

"Ketika negara dalam cemas, kita mesti bersatu, jaga kerajaan. Tetapi kita tetap tegur terhadap apa-apa kesilapan yang dilakukan (oleh pemimpin)," kata beliau ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Menurutnya pada masa ini tidak perlu Dr Mahathir meletak jawatan seperti yang disarankan oleh media asing, sebaliknya hanya perlu memastikan semua amalan pembaziran dan projek raksasa yang tidak menguntungkan diberhentikan seperti yang dituntut oleh Pas selama ini.

"Daripada segi letak jawatan, saya kata jangan. Tetapi dari segi boros dan pembaziran kita (Pas) mesti tentang," katanya.

Apabila ditanya tidakkah pendirian beliau itu akan merugikan Pas daripada segi kepentingan politik, Nik Aziz berkata: "Itu politiklah juga. Politik kita tidak hentam keromo, kita tidak menentang semua yang dilakukan oleh pusat...itu tidak betul dan bukan Islam."

Katanya pendirian itu juga tidak akan mengelirukan penyokong Pas yang memahami sepenuhnya perjuangan parti itu.

Nik Aziz juga mengumumkan bahawa kerajaan negeri kini mempertingkatkan usaha bagi mengurangkan perbelanjaan pentadbiran sejajar dengan pekeliling kerajaan pusat yang diterima baru-baru ini supaya semua kerajaan negeri mengamalkan langkah penjimatan.

"Kita telah meminta supaya Setiausaha Kerajaan Negeri (Datuk Wan Hashim Wan Daud) supaya mengeluarkan pekeliling mengarahkan pejabat kerajaan memadamkan lampu semasa waktu rehat serta menutup pendingin hawa setengah jam sebelum tamat waktu pejabat.

Beliau juga berkata sejajar dengan arahan itu semua jamuan makan kerajaan negeri yang menjadi tradisi termasuk jamuan semasa perasmian sidang Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan oleh Sultan Kelantan pada akhir bulan ini, juga dibatalkan.

Menurutnya amalan berjimat cermat itu sentiasa menjadi amalan sebelum ini oleh kepimpinan Pas hingga membolehkan Kelantan membayar kembali sebahagian pinjaman dari kerajaan pusat. -- BERNAMA

RAR NMO